



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2019

**PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN 1994 (AKTA 514) DAN PERATURAN-PERATURAN
DI BAWAHNYA OLEH SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN,
AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

JABATAN PERDANA MENTERI

1 OKTOBER 2019

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan



JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Rujukan Kami: JKPP DP 127/727/4/1-1(18)

Tarikh: 1 Oktober 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2019

**PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN 1994 (AKTA 514) DAN PERATURAN-PERATURAN
DI BAWAHNYA OLEH SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN,
AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan/Badan Berkanun mengenai ruang lingkup Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), serta langkah ke hadapan bagi memantapkan pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sektor Perkhidmatan Awam.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah dipertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta 514 bagi memastikan keselamatan, kesihatan serta kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan di pelbagai sektor termasuk sektor awam.
- 2.2 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2019 telah meluluskan Dasar KKP Negara (DKKPN) di mana ia merupakan satu pernyataan komitmen yang serius daripada Kerajaan yang merupakan ejen perubahan utama yang akan bertindak sebagai acuan kepada kualiti penyampaian dan pembentukan Budaya Pencegahan di tempat kerja. DKKPN juga adalah selaras dengan kehendak Konvensyen 155 *International Labour Organisation* (ILO).
- 2.3 Sebagai penggubal dan pelaksana dasar dan perundangan Negara, Kerajaan merupakan pemacu utama bagi memastikan peningkatan tahap KKP Negara melalui pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mempengaruhi dan menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja. Memperkasakan pengurusan KKP dalam sektor awam bukan sahaja dapat menjamin keselamatan dan kesihatan penjawat awam tetapi juga akan menjadi contoh kepada pihak industri.

2.4 Pelaksanaan:

- 2.4.1 Sektor Awam adalah termaktub di dalam Akta 514 sebagai salah satu tempat kerja yang wajib mematuhi Akta ini. Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini jika mana-mana peruntukan Akta ini tidak dipatuhi. Akta 514 ini adalah berkonsepkan Prinsip Peraturan Kendiri (Self Regulations). JKPP akan memantau pelaksanaan KKP di tempat kerja secara berterusan.
- 2.4.2 Semua Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja yang sihat dan selamat. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan dikehendaki memastikan Kementerian, jabatan dan agensi masing-masing memantapkan dan meningkatkan pematuhan ke atas kehendak Akta, Peraturan dan Arahan berkaitan KKP. Bersama ini dilampirkan panduan pematuhan Akta 514 bagi memudahkan pelaksanaan KKP di tempat kerja masing-masing seperti di **Lampiran A**.
- 2.4.3 Semua Ketua Jabatan diwajibkan untuk melaksanakan arahan ini bagi menjamin keselamatan dan kesihatan kepada semua warga kerja di perkhidmatan awam selaras dengan Kerajaan Sebagai Model KKP di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2016-

2020 (Occupational Safety and Health Master Plan 2016-2020).

- 2.4.4 Surat arahan ini juga bermatlamat untuk mendukung DKKPN iaitu satu pernyataan komitmen Kerajaan yang merupakan ejen perubahan utama yang akan bertindak sebagai peneraju kepada kualiti penyampaian dan pembentukan budaya pencegahan di tempat kerja.

TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019 ini dipanjangkan kepada semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan.
- 3.2 Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 514 sekiranya mana-mana peruntukan di bawah Akta 514 tidak dipatuhi.

4 MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pekeliling ini dan pekeliling yang berkaitan, hubungi:

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

(u.p: Pengarah Bahagian Industri Kecil Sederhana dan
Sektor Bukan Kilang)

Tel : 03-8886 5000
Faks : 03-8889 2443
Emel : projkkp@mohr.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR)
Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A

PANDUAN PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514)

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
1	Dasar Keselamatan dan Kesihatan	Seksyen 16 Akta 514	<p>(i) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan pernyataan bertulis mengenai Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, organisasi dan rancangan untuk melaksanakan dasar itu.</p> <p>(ii) Dasar hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan bertarikh.</p> <p>(iii) Dasar perlu dikemaskini mengikut kesesuaian pemakaiannya.</p> <p>(iv) Dasar perlu dikomunikasikan kepada semua pekerja.</p> <p>(v) Dasar perlu dipamerkan di tempat yang strategik agar dapat dilihat dan dibaca oleh semua pekerja.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
2	<p>Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 30 dan 31 Akta 514 • Peraturan-Peraturan KKP (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 	<p>Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) apabila pekerjaanya mencapai empat puluh (40) orang dan lebih.</p> <p>(i) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan hendaklah terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seorang Pengerusi iaitu Ketua Jabatan atau wakil yang diberikuasa; • Seorang Setiausaha iaitu Pegawai Keselamatan dan Kesihatan atau seseorang yang mempunyai pengetahuan KKP dan dilantik oleh Pengerusi; • Sekurang-kurangnya dua (2) orang wakil majikan dan dua (2) orang wakil pekerja sekiranya bilangan pekerja tidak melebihi 100 orang; dan • Sekurang-kurangnya empat (4) orang wakil majikan dan empat (4) orang wakil pekerja sekiranya bilangan pekerja melebihi 100 orang.

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(ii) Surat lantikan perlu diberi kepada semua Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan oleh Pengerusi dan dinyatakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana kehendak Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.</p> <p>(iii) Wakil-wakil majikan dan pekerja dalam suatu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan hendaklah dapat mewakili pelbagai bahagian tempat kerja supaya dapat mengekalkan dan mengembangkan minat pekerja untuk membentuk suatu keadaan bekerja yang selamat dan sihat di tempat kerja.</p> <p>(iv) Ketua Jabatan boleh melantik seseorang yang mempunyai pengetahuan KKP bagi mengurus dan menasihatkan Ketua Jabatan hal-hal berkaitan KKP.</p> <p>(v) Ketua Jabatan perlu menyediakan latihan yang mencukupi mengenai KKP kepada ahli JKK.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(vi) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu dalam pembangunan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan, sistem kerja yang selamat dan kajian semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan. • Membuat kajian berkaitan tren kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja dan bekerjasama dengan Ketua Jabatan dengan mengemukakan cadangan untuk tindakan pembaikan. • Mengkaji semula Dasar Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja.

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(vii) Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan. • Agenda mesyuarat hendaklah hanya membincangkan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. <p>(viii) Pemeriksaan tempat kerja:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memeriksa tempat kerja sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan (sebelum mesyuarat JKK diadakan); • Merekodkan dan membincangkan hasil-hasil pemeriksaan tersebut; dan • Membuat cadangan kepada Ketua Jabatan mengenai langkah-langkah pemulihan yang perlu diambil hasil dari pemeriksaan tersebut dan direkodkan.

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(ix) Penyasatan kemalangan (kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memeriksa tempat kerja dengan segera setelah menerima laporan. • Bermesyuarat dengan segera selepas pemeriksaan tempat kerja dibuat. • Membuat siasatan terhadap kejadian yang berlaku. • Memberikan cadangan kepada Ketua Jabatan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil supaya perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang. <p>(x) Fungsi JKK serta tanggungjawab dan akauntabiliti ahli JKK diperjelaskan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
3	<p>Mewujudkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Prosedur Kerja Selamat ii. Penaksiran Risiko 	<p>Seksyen 15(2)(b) Akta 514</p>	<p>(i) Ketua Jabatan perlu memastikan Prosedur Kerja Selamat hendaklah disediakan dan melibatkan semua aktiviti kerja atau proses yang dijalankan. Setiap prosedur kerja yang telah dibuat perlu diterangkan kepada pekerja.</p> <p>(ii) Ketua Jabatan perlu membuat penaksiran risiko bagi semua jenis aktiviti kerja yang dilakukan (contoh: HIRARC atau <i>Job Safety Analysis</i> dan sebagainya).</p> <p>(Rujuk laman sesawang JKKP bagi penyediaan prosedur kerja dan HIRARC)</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
4	Maklumat, Arahan dan Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjajaan	Seksyen 15(2)(c) Akta 514	<p>(i) Ketua Jabatan hendaklah menyampaikan maklumat dan arahan berkaitan KKP kepada semua pekerja.</p> <p>(ii) Ketua Jabatan hendaklah mengenalpasti keperluan latihan KKP kepada pekerja.</p> <p>(iii) Ketua Jabatan perlu menyelia pelaksanaan KKP di tempat kerja.</p> <p>(iv) Ketua Jabatan perlu memastikan rekod-rekod latihan diwujudkan, disimpan dan dikemaskini dengan baik dari semasa ke semasa dan boleh dikemukakan dengan segera sekiranya diperlukan.</p> <p>(v) Ketua Jabatan digalakkan membuat penilaian keberkesanan kursus kepada pekerja bagi memastikan objektif kursus telah tercapai.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
5	<p>Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya</p> <p>i. Daftar Bahan Kimia Berbahaya (<i>Chemical Register</i>)</p> <p>ii. Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya (<i>Chemical Health Risk Assessment</i>)</p>	<p>Peraturan 5, 9 dan 14, Peraturan-Peraturan KKP (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 (USECHH)</p>	<p>(i) Ketua Jabatan hendaklah mengenalpasti bahan kimia yang digunakan di tempat kerja dan merekodkan dalam Borang Daftar Bahan Kimia.</p> <p>(ii) Rekod pendaftaran tersebut hendaklah sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa, maklumat pendaftaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semua bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan. • Helaian Data Keselamatan (<i>Safety Data Sheet</i>) • Jumlah purata digunakan, dikeluarkan atau disimpan dalam sebulan atau setahun. • Proses dan kawasan kerja yang bahan kimia tersebut digunakan. • Nama dan alamat pembekal setiap bahan kimia yang digunakan.

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(iii) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan tempat khusus bagi penyimpanan bahan kimia berbahaya dan tempat tersebut perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai tanda amaran yang mudah dilihat sebagai amaran kepada orang yang memasuki kawasan berbahaya itu. • Meletakkan satu Salinan Helaian Data Keselamatan (SDS). • Menjalankan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (<i>Chemical Health Risk Assessment / CHRA</i>) di tempat kerja. <p>(iv) Tindakan untuk mengawal pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan diperjelaskan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
6	<p>Pelaporan Kemalangan, Kejadian berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan</p>	<p>Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (NADOPOD)</p>	<p>(i) Pelaporan kemalangan peringkat dalaman hendaklah diwujudkan dan pelaporan itu perlu dipanjangkan ke JKPP mengikut peraturan yang telah ditetapkan di dalam NADOPOD.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebarang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja hendaklah dilaporkan kepada JKPP berdekatan dengan segera. • Menghantar laporan tentang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan menggunakan Borang JKPP 6 atau JKPP 7 kepada JKPP berdekatan dalam masa 7 hari. <p>(ii) Menjalankan penyiasatan sebarang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja dan membincangkan hasil siasatan di peringkat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja.</p>

BIL	PEMATUHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PENERANGAN
			<p>(iii) Mengisi secara <i>online</i> Daftar Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (Borang JKKP 8) kepada JKKP Ibu Pejabat sebelum 31 Januari setiap tahun.</p>

